

Bekalan pertama vaksin Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia

Penerima vaksin dilindungi

Skim beri pampasan kepada individu alami kesan sampingan serius

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mewujudkan skim perlindungan untuk memberi pampasan kepada penerima vaksin COVID-19, sekiranya ada antara mereka mendapat kesan sampingan yang serius daripada vaksin itu.

-Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata perkara itu diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat khas minggu lalu dan dalam proses untuk diperincikan.


Katanya, skim itu akan memberi pampasan ex-gratia kepada kes kesan sampingan serius yang boleh dikaitkan dengan pemberian vaksin COVID-19.

"Jemaah Menteri sudah memutuskan dalam mesyuarat khas minggu lalu bahawa kita akan wujudkan satu skim untuk penerima vaksin yang mengalami kesan sampingan serius.

"Skim ini adalah untuk memberi perlindungan dan pembayaran ex-gratia kepada sesiapa yang ada kesan sampingan serius dan dapat dikaitkan secara langsung dengan pemberian vaksin.

"Perinciannya diumumkan dalam masa terdekat," katanya selepas menyambut kedatangan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada kerajaan akan berbincang dengan syarikat insurans untuk menawarkan perlindungan kepada penerima vaksin COVID-19 yang mendapat kesan sampingan serius atau kematian.



Proses pemindahan vaksin yang ditempatkan dalam peranti muatan unit (ULD) dari bahagian kargo pesawat ke trak syarikat logistik di kawasan Advanced Cargo Centre (ACC), KLIA, semalam. (Foto BERNAMA)

Ditanya sama ada pemberian vaksin akan diwajibkan jika jumlah individu mendaftar kurang berbanding bekalan vaksin khususnya pada fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy memaklumkan, kerajaan belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Kita belum buat apa-apa keputusan. Pendirian kerajaan ketika ini kekal, iaitu vaksin diberi secara sukarela," katanya.

"Kita tunggu dan lihat nanti sekiranya tidak ramai mendaftar sebagai penerima, ia akan dibincangkan kemudian," katanya.

Skim itu akan memberi pampasan ex-gratia kepada kes kesan sampingan serius yang boleh dikaitkan dengan pemberian vaksin COVID-19.

Khairy Jamaluddin,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Pemberian vaksin COVID-19



Menerima notifikasi berkenaan pengambilan vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.

Pengambilan vaksin adalah secara sukarela di mana anda perlu mengisi Borang Persetujuan bertulis.



Jenis vaksin yang akan diterima ditetapkan oleh KKM.



Pemberian vaksin adalah secara percuma kepada individu 18 tahun dan ke atas.



2 DOS

Anda akan menerima 2 dos vaksin COVID-19 (mengikut jenis vaksin) dari jenis yang sama.